

**Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)**

*International Journal of The Malay Letters*

Jilid 6/Jan/2018, 74-117

ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia  
*Budiman Writers Association of Malaysia*

**PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
KURSUS BAHASA MELAYU ELEKTIF BERDASARKAN PENDEKATAN  
PENGAJARAN SECARA KONTEKSTUAL  
*DEVELOPMENT OF TEACHING AND LEARNING MODELS OF MALAY  
LANGUAGE COURSE BASED ON CONTEXTUAL APPROACHES***

*Kusom Yamirudeng\**

University Thaksin of Thailand

\*ku\_som@yahoo.com

*Zulkifli Osman*

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Perak, Malaysia.

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan menguji modul pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu elektif (KBME) yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Objektif kajian adalah untuk mendapatkan pandangan pakar, pensyarah, dan pelajar terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi modul yang dibangunkan ini dalam fasa pembangunan dan kajian rintis. Kajian reka bentuk ini menggunakan Borang Penilaian Modul (BPM) dan komen bersemuka sebagai instrumen. BPM ditadbirkan terhadap pensyarah dan pakar bagi mendapatkan skor ketiga-tiga aspek pembangunan modul. Komen bersemuka pula ditadbirkan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan pakar, pensyarah dan pelajar terhadap modul yang dibangunkan. Dua pakar pendidikan Bahasa Melayu, empat pensyarah Bahasa Melayu, dan enam pelajar yang mengikuti kursus KBME dilibatkan sebagai responden

kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pakar dan pensyarah menilai modul ini pada tahap baik (skor min 4.43) dan sederhana (3.89). Dapatan kajian juga mendapati bahawa modul ini harus dibaiki dan ditambah baik, khususnya dari aspek persembahan dan kandungan supaya lebih menarik dan sesuai dengan pelajar.

Kata Kunci: modul pengajaran dan pembelajaran, Kursus Bahasa Melayu Elektif, pengajaran bahasa secara kontekstual

### **ABSTRACT**

*This study aimed to develop and examine the elective teaching and learning module in Malay language (KBME) among students who learn Malay as a foreign language. The objectives of the study were to get the views of experts, lecturers, and students on the suitability of the content, learning materials and the pedagogical aspects of the developed module. This study used the Module Assessment Form (BPM) and face-to-face interviews as an instrument. BPM was distributed to lecturers and experts to get the scores of the three developed modules. Whereas, face-to-face interviews were administered to get the views and suggestions of experts, lecturers and students on the developed module. Respondents involved in this study consisted of two Malay language experts, four Malay language lecturers, and six students who attended the KBME courses. The findings showed that the evaluation score of the module by experts and lecturers were at a good level (mean score 4.43) and moderate (3.89). It was also found that this module should be improved in terms of presentation and content to be more attractive and appropriate to the students. In conclusion, this module can be implemented with some improvements.*

*Keyword: Teaching and learning modules, Elective Malay Language Courses, Contextualized Language Instruction*

## PENGENALAN

### Sejarah Pendidikan Bahasa Melayu di Selatan Thailand

Mengikut dasar kerajaan Thailand, rakyat digalakkan mempelajari bahasa jiran sebagai bahasa asing. Antara bahasa yang digalakkan dipelajari, ialah bahasa Melayu, bahasa Laos, bahasa Myanmar, bahasa Kemboja dan sebagainya. Hal ini demikian kerana bahasa jiran dapat memberi lebih peluang kepada rakyat untuk memperoleh pekerjaan dan pendidikan. Sejak pelaksanaan dasar kerajaan tersebut, semakin ramai pelajar berminat terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Tambahan pula, bahasa Melayu sudah lama diterapkan dalam kalangan penduduk selatan Thailand, sama ada secara tidak formal mahu pun secara formal sejak abad ke-19 (Paitoon, 2001). Dewasa ini, mata pelajaran Bahasa Melayu telah dimasukkan dalam sistem pendidikan kerajaan dan diajarkan sebagai bahasa asing di sekolah-sekolah dan di pusat-pusat pengajian tinggi.

Dalam konteks di Universiti Taksin, bahasa Melayu telah diajar sejak lama. Malah, bahasa Melayu diajar sebagai kursus elektif di Jabatan Bahasa Timur, Universiti Thaksin, Selatan Thailand, sebaris dengan kursus-kursus bahasa lain seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun dan Bahasa Korea. Kursus Bahasa Melayu ditawarkan sepanjang tahun akademik, iaitu dalam ketiga-tiga semester. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar dalam tiga kumpulan dan setiap kumpulan akan menerima pelajar seramai empat puluh orang. Jadual 1 menunjukkan kod, kursus dan kredit bagi setiap kursus bahasa elektif yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Timur, Universiti Thaksin.

**Jadual 1:** Kursus bahasa elektif yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Timur, Universiti Thaksin

Kod	Nama Kursus	Kredit
0000131	Bahasa dan Kebudayaan Melayu	3 (3-0-6)
0000132	Bahasa dan Kebudayaan Mandarin	3 (3-0-6)
0000133	Bahasa dan Kebudayaan Jepun	3 (3-0-6)
0000134	Bahasa dan Kebudayaan Korea	3 (3-0-6)

Nilai jam kredit bagi setiap kursus bahasa elektif ini pula ialah 3(3-0-6) jam kredit. 3 merujuk kepada jumlah kredit, manakala nombor 3 dalam kurungan merujuk kepada jumlah jam untuk belajar di bilik darjah (pengetahuan), 0 merujuk kepada amalan praktis di bilik darjah dan 6 merujuk kepada jumlah jam untuk pembelajaran sendiri.

Kandungan kursus *0000131 Bahasa dan Kebudayaan Melayu* terdiri daripada tema-tema atau tajuk seperti berikut;

- a. Ucap selamat/Sapaan
- b. Berkenalan
- c. Buah-buahan
- d. Hari bulan
- e. Jam dan Waktu
- f. Keluarga Kami
- g. Di Restoran
- h. Ke Pasar Raya

*Sumber:* Muhammad Salaebing. (2013). Buku Teks Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Sosial, Universiti Thaksin, Thailand.

### **Prinsip Pengajaran Bahasa Sebagai Bahasa Asing**

Proses pembelajaran bahasa asing bukanlah sesuatu yang mudah. Menurut Kamarudin Husin, Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari (2011), proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau mempunyai prinsip-prinsip yang tertentu. Antara prinsip tersebut ialah bahasa tersebut boleh dipelajari melalui aktiviti dan latihan yang diamalkan dalam pembelajaran bahasa. Menurut mereka lagi, aktiviti lisan menjadi keutamaan sebelum kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran membaca dan menulis.

Selain itu, aspek makna, misalnya makna perkataan hendaklah diterangkan dalam konteks yang dapat menerangkan makna itu sendiri. Ini bermaksud, aspek makna tidak boleh diajar secara terpisah dari konteks yang sebenar.

Asmah Hj. Omar (2003) pula turut membincangkan bahawa antara prinsip utama yang perlu diambil kira dalam mengajarkan bahasa sebagai bahasa asing ialah faktor sosial dan budaya bahasa sasaran. Dalam konteks ini, Asmah (2003) menyatakan aspek peraturan sosiobudaya tidak boleh diketepikan. Hal ini disokong oleh Richards (2001). Beliau menyatakan bahawa antara faktor penting dalam pengajaran bahasa sebagai bahasa asing ialah faktor budaya selain faktor program itu sendiri, iaitu faktor guru, pelajar, kurikulum, bahan, dan penilaian.

Selain faktor di atas, Awang Sariyan (2011) pula menyatakan bahawa dalam proses PdP bahasa sebagai asing lima aspek, iaitu (i) pelajar, (ii) pengajar, (iii) kurikulum dan kaedah, (iv) sumber atau bahan, dan (v) pengujian dan penilaian perlu diambil kira. Berdasarkan beberapa pendapat tokoh tersebut boleh dirumuskan bahawa perkara yang asas dan penting dalam sesuatu PdP bahasa asing ialah pelajar, pengajar, kurikulum, bahan pengajaran, penilaian dan sosiobudaya.

### **Latar Belakang Pembangunan Modul BM Sebagai Bahasa Asing**

Modul ini dibangunkan berdasarkan keperluan pelajar Thai terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Thailand. Walaupun telah dinyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran sudah berabad-abad dipelajari oleh mereka. Akan tetapi masih menghadapi kekangan seperti kekurangan bahan pengajaran, bahan pengajaran diimport daripada negara jiran, kelulusan guru dan sebagainya. Oleh kerana itu, pengkaji cuba membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang sesuai dengan keperluan mereka.

Kajian-kajian lalu menyatakan bahawa modul dapat mengurangkan beban pengajar dan membantu pelajar lebih mudah terhadap pembelajaran bahasa. Modul merupakan satu pakej yang memberi kemudahan dan mengurangkan tekanan kepada pelajar. Oleh sebab, modul dapat digunakan mengikut keinginan dan masa yang sesuai dengan keperbezaan pelajar.

Di Thailand terdapat beberapa modul pengajaran dan pembelajaran seperti kursus Bahasa Thai, dan Bahasa Inggeris tetapi belum lagi dalam kursus Bahasa Melayu. Oleh itu, modul ini dibangunkan kerana memenuhi kekurangan bahan pengajaran bahasa Melayu dalam konteks mereka. Konteks pula, satu perkara yang penting kerana konteks bahasa sasaran dan bahasa mereka agak beza dan terpaksa menyediakan situasi yang mirip dengan budaya tempatan.

Pendekatan *CLI* dilaksanakan dalam modul KBME sebagai sandaran dalam proses Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai. Pendekatan *CLI* dapat membantu proses PdP lebih berkesan seperti dibuktikan oleh Margana (2012) Penerapan pendekatan *CLI* dalam modul KBME pula, diterapkan dalam setiap modul melalui konteks bahasa, prinsip pengajaran, dan mod aktiviti yang ditentukan.

Pendekatan *CLI* dipilih kerana pendekatan ini menfokuskan keempat-empat kemahiran bahasa. Manakala pendekatan lain yang menfokuskan satu kemahiran sahaja seperti kaedah komunikatif yang memberi tumpuan kepada kemahiran komunikasi tetapi tidak menekankan tatabahasa dan budaya tempatan. Perkara ini dapat menimbulkan masalah penggunaan dalam konteks bahasa sasaran dan bahasa tempatan.

Kesimpulannya, modul KBME telah dinilai oleh pakar, pensyarah dan pelajar. Pakar yang menilai modul ini ialah seorang pensyarah yang berpelamana bidang pedagogi dan pendidikan bahasa Melayu. Pensyarah pula, beliau seorang pensyarah yang pelbagai universiti yang menawarkan kursus Bahasa Melayu elektif kepada pelajar universiti. Modul ini juga dirintis dan dijalankan kajian lapangan kepada pelajar univerisiti untuk mengukur kebolehlaksanaan modul.

## **Pendekatan Pengajaran Bahasa Secara Kontekstual (Contextualized Language Instruction: *CLI*) Dalam Pengajaran Kbme**

Pendekatan yang digunakan ialah pengajaran bahasa secara kontekstual atau *Contextualized Language Instruction: CLI* yang diperkenalkan oleh Shrum dan Glisan (2005). Pendekatan ini menekankan kepada penggunaan bahasa dengan lebih bermakna dalam konteks dan tatabahasa yang tepat melalui mod penyampaian yang tertentu, iaitu mod interpersonal, interpretif dan presentasi. Ketiga-tiga mod ini memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa yang tepat berdasarkan konteks dan juga kecekapan bahasa.

Pendekatan pengajaran bahasa secara kontekstual (*CLI*) yang menjadikan dasar kepada pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran modul ini merangkumi tiga aspek, iaitu (i) konteks bahasa, (ii) prinsip atau isu atau tema pengajaran perlu diterapkan dan dikuasai oleh pelajar, dan (iii) mod penyampaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Aspek **konteks bahasa** melibatkan empat aspek, iaitu (i) fungsi kemahiran bahasa fungsi global, (ii) konteks dan kandungan, (iii) ketepatan, dan (iv) penguasaan aspek ayat yang tepat. Ini bermakna kemahiran bahasa yang perlu dikuasai dalam modul ini ialah kemahiran bahasa yang bersifat sejagat dan juga kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar yang belajar bahasa asing. Aspek yang kedua ialah **prinsip atau isu atau tema pengajaran**. Dalam pendekatan *CLI*, prinsip ini melibatkan aspek ini ialah (i) komunikasi, (ii) budaya, (iii) kebersamaan, (iv) perbandingan, dan (v) masyarakat.

Aspek aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini pula setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan tiga **mod penyampaian** yang diperkenalkan oleh Shrum & Glison (2005), iaitu interpersonal, (ii) interpretif, dan (iii) presentasi. Ini bermakna asas modul ini dibina berasaskan tiga komponen utama, iaitu (i) konteks bahasa, (ii) prinsip atau isu atau tema perlu diterapkan dan dikuasai oleh pelajar, dan (iii) mod penyampaian.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di pusat pengajian tinggi telah berkembang dan semakin meningkat bilangan pelajar di pusat pengajian tinggi awam. Akan tetapi, bahan pengajaran bahasa Melayu masih kurang dan kebanyakannya diimport dari negara jiran. Ini merupakan sebahagian daripada kekangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Thailand. Antara kekangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Selatan Thailand ialah kelulusan guru, pedagogi dan inovasi (Pareedah dan Suhaila, 2012). Oleh sebab itu, pembangunan bahan pengajaran yang berlatarbelakangkan masyarakat setempat perlu dilakukan

Pembangunan bahan pengajaran yang pelbagai dan terkini perlu dibangunkan bagi mengatasi masalah penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sangat kurang serta tidak selaras dengan perkembangan inovasi pendidikan masa kini, khususnya di Selatan Thailand. Penyampaian pelajaran melalui buku teks di bilik darjah semata tidak selaras dengan inovasi masa kini. Dalam kajian ini, modul PdP Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan *CLI* dibangunkan bagi memastikan proses PdP Bahasa Melayu sebagai kursus elektif dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Melayu. Penggunaan modul sebagai bahan PdP dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran (Piyanuch Phutkaew, 2014; Nur Aisyah Mohamad dan Zamri Mahamod, 2012). Malah, penggunaan modul juga dapat memberi kesan dalam proses pembelajaran secara lebih positif dan aktif. Oleh itu, pengkaji berhasrat membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang berlatar belakang masyarakat setempat serta memberi keutamaan terhadap kondisi pembelajaran yang menarik. Kajian ini juga diharap dapat menambah bilangan modul PdP Bahasa Melayu yang relevan dengan budaya masyarakat setempat, sekaligus membantu proses PdP Bahasa Melayu di Selatan Thailand.



## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mendapatkan penilaian pakar dan pensyarah terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran, dan aspek pedagogi modul pengajaran Bahasa Melayu Kursus Bahasa Melayu Elektif yang dibangunkan.
2. Mendapatkan pandangan dan cadangan pelajar terhadap kejelasan arahan, kandungan, teknikal, ilustrasi, bahan dan aktiviti modul pengajaran Bahasa Melayu Kursus Bahasa Melayu Elektif yang dibangunkan.

## **METODOLOGI**

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini ialah kajian reka bentuk dan pembangunan. Tujuan kajian ini ialah membangunkan dan menilai modul pengajaran bahasa Melayu untuk KBME berdasarkan pendekatan *CLI*. Kajian ini dibangunkan berdasarkan model kajian reka bentuk dan pembangunan Richey dan Klien (2007) dan Zulkifli Osman (2012). Model ini digunakan kerana reka bentuk ini bersifat pragmatik dan menyediakan peluang kepada pengkaji untuk menguji dan mengesahkan keberkesanan teori kepada bentuk praktik. Kajian reka bentuk ini melibatkan tiga fasa, iaitu (1) fasa analisis keperluan, (2) fasa reka bentuk dan pembangunan, dan (3) fasa pelaksanaan dan penilaian. Kertas ini hanya membincangkan fasa yang kedua, iaitu reka bentuk dan pembangunan. Proses penilaian fasa ini dijalankan berdasarkan model penilaian formatif Tessmer (1995).

Proses ini melibatkan tiga fasa, iaitu fasa 1 (fasa penilaian pakar, pensyarah, dan pelajar), fasa 2 (fasa ujian rintis) dan fasa 3, iaitu fasa penilaian lapangan yang mengandungi tiga tahap, iaitu tahap1 (penilaian pakar, pensyarah dan pelajar terhadap kesesuaian modul), tahap 2 (kajian rintis), dan tahap 3 (penilaian lapangan atau kajian sebenar).

Makalah ini membincangkan hasil penilaian tahap 1 dalam fasa 3 sahaja, iaitu bagi melaporkan penilaian dan pandangan serta komen pakar, pensyarah, dan pelajar terhadap kandungan, aspek pedagogi yang digunakan, dan reka bentuk bahan yang dibangun itu sendiri. Penilaian formatif dijalankan bagi mengetahui sejauh mana pelajar dapat memahami bahan pembelajaran yang disampaikan serta kekurangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan modul yang terbaik kepada pelajar (Muh. Ilyas Ismail, 2015).

### **Peserta Kajian**

Dua orang pakar bidang pedagogi yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu selama 20 tahun di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Kedua-dua pakar dipilih berdasarkan kepakaran bidang pedagogi bahasa Melayu. Tenaga pengajar di peringkat universiti yang terlibat dalam penilaian ini. Langkah-langkah yang dijalankan penilaian modul hampir sama dengan pakar. Mereka terdiri daripada pensyarah yang mengajar Bahasa Melayu di peringkat universiti di selatan Thailand. Antaranya dari Thaksin University, Prince of University dan Rajabhat Yala University. Analisis data dianalisis berdasarkan komen dan pandangan yang diberi oleh pensyarah-pensyarah. Data tersebut meliputi tiga aspek yang penting, iaitu kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi.

Pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Melayu elektif sebagai responden. Mereka juga berbeza dari latar belakang dan bidang yang sedang pelajari. Pemilihan responden mengikuti pencapaian tinggi, sederhana dan rendah sebagai penilai modul. Respon pelajar telah dianalisis terhadap kefahaman penjelasan arahan, kandungan, teknikal, bahan pengajaran modul. Data tersebut telah digunakan untuk menambah baik dan kemudahan kepada pengguna.

Jadual 2 menunjukkan peserta kajian yang terlibat dan objektif serta instrumen yang terlibat.

**Jadual 2:** Senarai Penilai

<b>Tujuan Penilaian</b>	<b>Kategori Penilai</b>	<b>Instrumen yang Digunakan</b>
Mendapatkan pandangan pakar, pensyarah dan pelajar terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi	Pakar Pensyarah Pelajar	Borang penilaian modul, komen bersemuka Borang penilaian modul, komen bersemuka Borang penilaian modul, komen bersemuka

### **Instrumen Kajian**

Dua instrumen kajian digunakan dalam kajian ini, iaitu Borang Penilaian Modul (BPM) dan komen bersemuka peserta kajian. Borang tersebut mengandungi tiga aspek, iaitu kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi. Analisis dilakukan melalui komen dan pandangan pakar.

### **Modul Pengajaran Bahasa secara Kontekstual (CLI)**

Jadual 3 menunjukkan kandungan modul pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu elektif (KBME) berdasarkan CLI. Modul ini memberi penekanan terhadap penerapan prinsip pengajaran bahasa berdasarkan pendekatan CLI, iaitu konteks bahasa, mod aktiviti, dan kandungan pelajaran.

**Jadual 3:** Modul pengajaran dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Elektif (KBME) Berdasarkan CLI

Prinsip Pengajaran Bahasa <i>CLL</i>	Konteks Bahasa	Mod (Aktiviti PdP)			Kandungan Pelajaran		
		Interpersonal	Interpretif	Presensi	Tajuk	Kemahiran bahasa	Bahan
1. Komunikasi Prinsip ini melibatkan aktiviti komunikatif. Aktiviti-aktiviti dijalankan melalui interaksi dan fungsi bahasa untuk mencapai tujuannya. Pelajar diberi peluang berkomunikasi dengan rakan sekelas dengan menggunakan bahasa yang betul dan tepat.	Ke-tepatan Ke-tepatan penggunaan tata bahasa, kosa kata dan sebutan.	Pelajar membuat sebuah dialog perbualan antara A dan B atau A, B dan C.			Berkenalan	Lisan (utama)  Menulis (sokongan)	(i) Teks (ii) CD
2. Budaya Prinsip menerapkan unsur budaya dalam pengajaran bahasa. Bahasa dan budaya tidak dipisahkan dalam pembelajaran bahasa. Penekanan dalam prinsip ini ialah pemahaman terhadap	Konteks dan Kandungan Penggunaan bahasa sesuai dengan konteks yang ditentukan.		Pelajar menulis sebuah rumusan tentang pemahaman terhadap makanan Melayu berdasarkan petikan		di Restoran	Membaca (utama)  Menulis (sokongan)	(i) VCD, (ii) Petikan 'Makanan Melayu', (iii) Menu makanan dan minuman di restoran

<p>budaya bahasa sasaran dan budaya bahasa sendiri. Budaya bahasa sasaran melibatkan budaya konkrit dan abstrak. Pelajar diberi pemahaman terhadap konsep budaya yang bukan sahaja melibatkan perkataan, tetapi termasuk juga tingkah laku dan gerakan badan untuk mengelakkan rintangan silang bahasa dan budaya dalam konteks penggunaan bahasa sebenar.</p>			<p>yang dibaca.</p>				
<p>3. Kebersamaan Prinsip ini melibatkan keupayaan pelajar mengaitkan pengetahuan bahasa kedua yang dipelajari dengan pengetahuan</p>	<p>Fungsi global Ke-mahiran mendapatkan maklumat melalui bahasa sasaran</p>		<p>Pelajar menulis sebuah rumusan daripada petikan .</p>	<p>Pelajar membuat persembahan tentang pengetahuan ba-</p>	<p>Buah-buahan (berkaitan dengan ilmu pertanian)</p>	<p>Lisan (utama) Menulis (sokongan)</p>	<p>(i) Teks (ii)VCD (iii) Petikan</p>

<p>bahasa dan budaya ibunda. Pelajar digalakkan menggunakan bahasa kedua sebagai alat untuk mendapat pengetahuan baharu. Pengajar menyediakan banyak aktiviti secara lisan untuk mendapatkan pengetahuan baharu. Pelajar juga membuat persembahan rumusan terhadap hasil baharu secara lisan atau penulisan.</p>	<p>sebagai alat.</p>			<p>haru dari-pada ha-silan inte-raksi secara lisan atau penu-lisan.</p>			
<p>4. Per-bandingan Prinsip ini memberi tumpuan kepada per-bandingan antara bahasa pertama dan bahasa sasaran. Pelajar dapat membezakan kedua-dua bahasa dalam aspek struktur bahasa dan</p>	<p>Fungsi global Ke-mahira n memb eri pendap at tentan g per-bezaan dan per-samaa n dalam kedua-</p>	<p>Pelajar digalak kan mengg unakan bahasa sasara n untuk mem-beri pen-dapat dan pan-dangan .</p>		<p>Pe-lajar mem-buat per-sem--bahan ten-tang per-beza-an dalam sistem kata pang-gilan dalam</p>	<p>Keluarga Kami</p>	<p>Menulis (utama)  Lisan (sokongan)</p>	<p>(i) Teks (ii) Rajah</p>

<p>budaya. Prinsip ini menggalakkan pelajar membuat perbandingan kedua-dua bahasa kerana dapat membantu pelajar menggunakan bahasa dalam konteks sebenar dengan berkesan. Selain itu, pelajar akan membuat persembahan hasil secara lisan atau penulisan.</p>	<p>dua budaya dengan menggunakan bahasa yang betul.</p>			<p>budaya Melayu dan budaya tempatan.</p>			
<p>5. Masyarakat Prinsip ini melibatkan keupayaan pelajar terhadap kebolehan mereka menggunakan bahasa kedua yang dipelajari dalam lingkungan universiti dan luar universiti. Penggunaan bahan autentik diharap dapat membantu pelajar</p>	<p>Penggunaan aspek ayat yang tepat Penggunaan bahasa yang betul dan tepat mengikuti Tata bahasa (jenis-jenis ayat)</p>	<p>Pelajar menjalankan aktiviti lisan dengan menggunakan bahasa sasaran</p>	<p>Pelajar dapat memahami mesej disampaikan oleh penutur jati.</p>		<p>Ke Pasar Raya</p>	<p>Menulis (utama)  Lisan (sokongan)</p>	<p>(i) Teks (ii)VCD (iii) Petikan</p>

menguasai pembelajaran bahasa sasaran dengan berkesan.							
--	--	--	--	--	--	--	--

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis bagi menjawab dua soalan kajian yang diketengahkan dalam artikel ini. Komen dan pandangan pakar, pensyarah dan pelajar dianalisis bagi mendapatkan data tentang kesesuaian modul dari aspek kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi.

### Penilaian Dan Pandangan Pakar Terhadap Kesesuaian Modul

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 1, iaitu “Apakah penilaian dan pandangan pakar terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran, dan aspek pedagogi modul pengajaran Bahasa Melayu Kursus Bahasa Melayu Elektif yang dibangunkan”. Bagi menjawab soalan kajian ini, dua aspek akan dikaji, iaitu (1) skor kesesuaian modul dan (2) pandangan dan cadangan penilai.

#### *Skor Kesesuaian Modul*

Skor kesesuaian modul dikira mengikut skala (Likert) yang mempunyai lima skor, iaitu 5 = sangat baik, 4 = baik, 3 = sederhana, 2 = lemah dan 1 = sangat lemah. Skor kesesuaian modul ini ditunjukkan dalam jadual 2.

**Jadual 4:** *Penilaian Pakar terhadap Kesesuaian Modul secara Keseluruhan Berdasarkan Skor Min*

<b>Pakar</b>	<b>Skor</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
Pakar 1	30	4.28	Baik
Pakar 2	32	4.57	baik
<b>Keseluruhan</b>	<b>62</b>	<b>4.43</b>	<b>baik</b>



Berdasarkan Jadual 4, jelas bahawa secara keseluruhannya, tahap kesesuaian modul ini ialah pada tahap baik, iaitu pada skor min 4.43. Ini menunjukkan bahawa modul ini masih perlu dimurnikan, khususnya dari aspek kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi.

**Jadual 5: Skor Penilaian Pakar Berdasarkan Komponen**

Komponen	Responden dan Skor		
	Pakar1	Pakar2	Min
1. Kesesuaian objektif dengan aktiviti yang dirancang	4	5	4.5
2. Kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang digunakan	5	4	4.5
3. Kesesuaian peringkat aktiviti daripada senang kepada susah	4	4	4
4. Kesesuaian pemilihan bahan mengajar	5	4	4.5
5. Kemampuan pelajar mengikuti modul yang dibangunkan	4	5	4.5
6. Kesesuaian aras bahasa yang digunakan dalam modul ini	4	5	4.5
7. Kesesuaian latihan tatabahasa berdasarkan konteks	4	5	4.5

Berdasarkan Jadual 5, bahawa semua tujuh komponen kecuali komponen yang ketiga mencatat min tertinggi, iaitu 4.5. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pakar berpendapat komponen ‘kesesuaian objektif dengan aktiviti’, ‘aktiviti pembelajaran’, ‘pemilihan bahan’, ‘kemampuan pelajar’, ‘aras bahasa yang digunakan’, dan ‘latihan tatabahasa’ berada pada tahap baik, manakala komponen ‘kesesuaian peringkat aktiviti daripada senang kepada susah’ mendapat skor min yang agak rendah, iaitu 4. Ini menunjukkan bahawa peringkat aktiviti daripada senang kepada susah perlu diubahsuai dan disusun semula.

**Jadual 6: Skor Penilaian Pakar Berdasarkan Aspek Kandungan, Bahan Pembelajaran dan Pedagogi**

Aspek-aspek		Responden/Skor		Min
		Pakar 1	Pakar 2	
Kandungan	komponen 1	4	5	4.5
	komponen 5	4	5	
	komponen 6	4	5	
Bahan pembelajaran	komponen 4	5	4	4.5
Pedagogi	komponen 2	5	4	4.33
	komponen 3	4	4	
	komponen 7	4	5	

Jadual 6 menunjukkan bahawa aspek kandungan dan bahan pembelajaran mencatat min tertinggi, iaitu 4.5, manakala aspek pedagogi mempunyai min 4.33. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek, iaitu aspek kandungan, bahan pengajaran dan pedagogi mencapai tahap baik.

### ***Pandangan dan Cadangan Pakar terhadap Kesesuaian Modul***

Komen bersemuka dan pandangan pakar digunakan bagi mendapatkan data ini. Borang Penilaian Kesesuaian Modul pula digunakan bagi mendapatkan data kesesuaian modul. Jadual 7 menunjukkan komen dan pandangan pakar secara keseluruhan terhadap kesesuaian modul ini.

**Jadual 7:** *Komen dan Pandangan Pakar secara Keseluruhan terhadap Kandungan Modul KBME*

Komponen	Pandangan dan Cadangan		Pengubahsuaian
	Pakar 1	Pakar 2	
1. Kesesuaian objektif dengan aktiviti yang dirancang	Objektif sesuai dengan aktiviti yang dirancang.	Objektif sesuai dengan aktiviti yang dirancang.	Komponen ini sesuai mengikuti kedua-dua komen pakar.
2. Kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang digunakan	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan tahap kemampuan pelajar.	Ada beberapa aktiviti dalam modul perlu disesuaikan.	Ada beberapa aktiviti telah disesuaikan dengan pelajar mengikuti cadangan pakar 2.
3. Kesesuaian peringkat aktiviti daripada senang kepada susah	Terdapat peringkat aktiviti daripada senang kepada susah dalam modul ini.	Peringkatan aktiviti dalam modul tertentu perlu disusun semula untuk memudahkan pelajar melaksanakan aktiviti.	Pengubahsuaian aktiviti mengikuti cadangan pakar.
4. Kesesuaian pemilihan bahan mengajar	Sesuai dengan bahan pengajaran.	Bahan dan grafik perlu diperbaiki.	Aspek teknikal dan grafik sudah dibaiki supaya lebih menarik minat pelajar.
5. Kemampuan	Komponen ini tidak serius	Dijangka pelajar dapat	Bahagian ini tidak diubahsuai

pelajar mengikuti modul yang dibangunkan	kepada pelajar	mengikuti modul yang disediakan.	kerana sesuai dengan pelajar.
6. Kesesuaian aras bahasa yang digunakan dalam modul ini	Aspek ini perlu dibaiki.	Aras bahasa sesuai dengan tahap pelajar.	-
7. Kesesuaian latihan tatabahasa berdasarkan konteks	Aspek ini relevan.	Latihan tatabahasa berdasarkan konteks sesuai tetapi ada beberapa kosa kata dalam aktiviti perlu diubah.	-
Komen-komen lain yang relevan	1. Elakkan penggunaan bahasa ibunda dalam penggunaan bahasa Melayu 2. Nota-nota yang dimaksudkan tidak dilampirkan.	Persembahan modul dari aspek teknikal, teks, dan grafik diharap dapat disesuaikan dengan keperluan bagi menghasilkan modul yang baik.	Masih terdapat kekurangan dalam modul ini, khususnya dari aspek teknikal, namun semuanya telah diubah suai.

---

Kesimpulannya, modul ini perlu dimurnikan khususnya dari aspek kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi. Antara cadangan pakar ialah beberapa aktiviti dalam modul perlu disesuaikan, peringkat aktiviti dalam modul tertentu perlu disusun semula,

dan bahan dan grafik perlu diperbaiki. Ini menunjukkan bahawa walaupun skor min pandangan pakar pada borang penilaian modul pada tahap yang baik (min 4.33), namun mereka masih berpandangan bahawa beberapa perubahan perlu dilakukan bagi meningkatkan kebolegunaan modul ini.

### **Penilaian Pensyarah Terhadap Kesesuaian Modul**

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian berasaskan respons pensyarah terhadap kesesuaian modul dari tiga aspek, iaitu kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi bagi menjawab soalan kajian 2, iaitu “Apakah penilaian pensyarah terhadap kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran, dan aspek pedagogi modul pengajaran Bahasa Melayu kursus Bahasa Melayu elektif yang dibangunkan”. Skor min kesesuaian modul dan pandangan serta cadangan pensyarah dijadikan sandaran analisis dapatan kajian ini.

#### ***Skor Kesesuaian Modul***

**Jadual 8:** *Penilaian Pensyarah terhadap Kesesuaian Modul secara Keseluruhan Berdasarkan Skor Min*

<b>Penilai/Pensyarah</b>	<b>Skor</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
A	27	3.85	sederhana
B	34	4.86	baik
C	24	3.43	sederhana
D	24	3.43	sederhana
<b>Keseluruhan</b>	<b>109</b>	<b>3.89</b>	<b>Sederhana</b>

Berdasarkan jadual 8, jelas bahawa secara keseluruhannya tahap kesesuaian modul ini ialah pada paras sederhana, iaitu pada skor min 3.49. Ini menunjukkan bahawa modul ini perlu dibaiki bagi memantapkannya. Jadual 9 pula menunjukkan pandangan pensyarah terhadap kesesuaian modul dari aspek komponen yang dinilai.

**Jadual 9: Skor Penilaian Pensyarah Berdasarkan Komponen**

Komponen	Responden dan skor				Min
	A	B	C	D	
1. Kesesuaian objektif dengan aktiviti yang dirancang	4	5	4	4	4.25
2. Kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang digunakan	4	5	4	4	4.25
3. Kesesuaian peringkatan aktiviti daripada senang kepada susah	4	5	3	4	4.00
4. Kesesuaian pemilihan bahan mengajar	4	4	4	3	3.75
5. Kemampuan pelajar mengikuti modul yang dibangunkan	4	5	3	4	4.00
6. Kesesuaian aras bahasa yang digunakan dalam modul ini	4	5	3	3	3.75
7. Kesesuaian latihan tatabahasa berdasarkan konteks	3	5	3	2	3.25

Berdasarkan Jadual 9, dapatan menunjukkan bahawa komponen pertama (kesesuaian objektif dengan aktiviti yang dirancang) dan komponen kedua (kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang digunakan) mencatat min tertinggi, iaitu 4.25. Ini menunjukkan bahawa modul ini mampu diikuti oleh pelajar. Dari aspek 'kesesuaian latihan tatabahasa berdasarkan konteks', skor minnya agak rendah, iaitu pada skor min 3.25. Ini menunjukkan bahawa 'kesesuaian latihan tatabahasa berdasarkan konteks' perlu diubahsuai dan disusun semula agar dapat mencapai tahap kesesuaian modul yang tinggi.

**Jadual 10: Skor penilaian pensyarah berdasarkan aspek kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi**

Aspek-aspek	Responden/Skor				Min
	A	B	C	D	

Kandungan	komponen 1	4	5	4	4	4.00
	komponen 5	4	5	3	4	
	komponen 6	4	5	3	3	
Bahan pembelajaran	komponen 4	4	4	4	3	3.75
	komponen 2	4	5	4	4	
	komponen 3	4	5	3	4	
Pedagogi	komponen 7	3	5	3	2	3.83

Jadual 10 menunjukkan bahawa aspek kandungan mencatat min tertinggi, iaitu 4.00. Aspek pedagogi mempunyai min 3.83. Aspek bahan pembelajaran pula, mencatat min 3.75. Ini menunjukkan bahawa aspek kandungan mencapai tahap baik, manakala aspek bahan pengajaran dan pedagogi mencapai tahap sederhana.

### ***Pandangan dan Cadangan Pensyarah terhadap Kesesuaian Modul***

Bahagian ini menyajikan respon pensyarah terhadap kesesuaian modul dari tiga aspek, iaitu kandungan, bahan pembelajaran, dan pedagogi. Pandangan dan cadangan pensyarah disenaraikan mengikut komponen-komponen seperti di bawah. Jadual 11 menunjukkan rumusan pandangan pensyarah berdasarkan komponen.

**Jadual 11:** *Rumusan pandangan pensyarah berdasarkan komponen*

Aspek-aspek dan Komponen	Responden				Pandangan
	A	B	C	D	
Kandungan komponen 1	/	/			Penilai B dan D menyatakan bahawa objektif yang diterangkan sangat sesuai dengan aktiviti yang dirancang. Oleh itu, objektif sesuai dengan aktiviti yang

				<u>dirancangkan.</u>
	komponen 5			Komponen ini tidak serius kepada penilai dan pelajar dapat mengikuti modul yang disediakan.
	komponen 6	/		Penilai B menjelaskan bahawa aspek ini sesuai dan perlu ditinggikan arasnya lagi.
Bahan Pembelajaran	komponen 2	/		Penilai B memberi pendapat bahawa aktiviti pengajaran dan pengajaran yang digunakan bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar dan kecekapan pelajar dalam Bahasa Melayu. Kesimpulan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan tahap kemampuan pelajar.
	komponen 4	/	/	Penilai B dan D menyatakan bahawa bahan PdP perlu ditambah lagi sesuai dengan tahap kemampuan pelajar. Mereka juga menyatakan bahawa grafik perlu diperbaiki.
Pedagogi	komponen 3	/	/	Penilai B dan D menyatakan bahawa aspek ini perlu dikemaskini dan perlu



---

komponen 7

---

disusun semula untuk memudahkan pelajar melaksanakan aktiviti.

---

Responden menyediakan bahawa aspek ini sesuai dengan konteks. Mereka juga menyatakan bahawa aspek ini perlu mendedahkan kepada pelajar khususnya aspek imbuhan, susunan kata dan ayat (kemampuan bahasa Melayu termasuk bahasa aglutitatif).

---

Kesimpulan, respon daripada pensyarah menyatakan bahawa aspek pedagogi dan bahan pembelajaran perlu diubahsuaikan supaya modul yang dibangun lebih sesuai dengan tahap kemampuan pelajar.

Selain itu, penilai (pakar dan pensyarah) telah memberi komen dan pandangan terhadap kesesuaian modul dari aspek kandungan, bahan pembelajaran dan pedagogi. Berdasarkan komen dan pandangan responden terdapat kesesuaian dan kekurangan dalam modul tersebut dalam ketiga-tiga aspek ini telah dinyatakan dalam jadual 10.

**Jadual 12:** *Kesesuaian dan kekurangan serta pengubahsuaian modul secara keseluruhan*

Aspek	Pandangan		Pengubahsuaian
	Kesesuaian	Kekurangan	
Kandungan	Modul yang dibangun sesuai dengan tahap penguasaan dan	1. Elakkan penggunaan bahasa ibunda dalam penggunaan bahasa Melayu	

---

<p>kecekapan pelajar di Thailand. Bahasa modul ini perlu dibaiki dan sila dapatkan editor (bantuan Munyi Dewan) untuk tujuan kemurnian. <b>(Penilai C)</b></p>	<p>dan nota-nota yang dimaksudkan tidak dilampirkan. <b>(Penilai B)</b></p> <p>2. Persembahan modul dari aspek teknikal, teks, dan grafik diharap dapat disesuaikan dengan keperluan menghasilkan modul yang baik. <b>(Penilai F)</b></p>	<p>Pengubahsuaian dilakukan dalam prototaip 2</p>
--	---	---

---

<p>Bahan pembelajaran</p>	<p>1. Bagi saya bahan ajar ini sangat bagus untuk dijadikan buku panduan subjek BM elektif. Akan tetapi dengan situasi dan latar belakang pelajar di TSU, saya rasa modul ini akan bertambah bagus lagi jika</p>
---------------------------	--

---

modul ini  
dibangunkan  
berdasarkan  
kemampuan  
pelajar  
sebagai  
bahasa  
kedua.  
2. Kosa kata  
sangat  
penting,  
khususnya  
ayat dasar  
kerana dapat  
membantu  
pelajar untuk  
berkomunika  
si dan  
membangun  
ayat kreatif  
ketika  
mereka  
menjawab  
soalan.  
**(Penilai E)**

Pedagogi

1. Perlu ditambah  
aktiviti dan  
latihan, termasuk  
permainan  
bahasa, drama  
dan sebagainya  
agar pelajara  
tidak berasa  
jemu. **(Penilai A)**

---

2. Terdapat tajuk dan aktiviti yang tidak berkaitan dengan isu dalam modul.

Penyusuaian isi dalam modul-modul tidak berkesinambungan dari segi pembelajaran bahasa. **(Penilai D)**

---

### **Pandangan dan Cadangan Pelajar Terhadap Kesesuaian Modul**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian ketiga, iaitu “pandangan dan cadangan pelajar terhadap kejelasan arahan, kandungan, teknikal, ilustrasi, bahan dan aktiviti modul pengajaran bahasa melayu kursus bahasa melayu elektif yang dibangunkan”. Pandangan, komen dan cadangan pelajar digunakan bagi menjawab soalan kajian ini.

#### **Pandangan dan Cadangan Pelajar**

Pandangan pelajar terhadap kejelasan arahan, kandungan, teknikal, ilustrasi, dan bahan dan aktiviti yang diterapkan dalam modul yang dibangunkan ini dianalisis bagi menjawab soalan kajian ini.

##### **i) Kejelasan Arahan**

Kelima-lima responden menyatakan bahawa mereka memahami arahan setiap langkah pengajaran dalam modul ini. Menurut mereka arahan dalam bahasa Thai membantu mereka memahami aktiviti yang terdapat dalam modul ini. Menurut pelajar 1;

“...setiap arahan sudah jelas dan tepat. Ada arahan dalam bahasa Thai dapat membantu kawan yang

mempunyai asas bahasa Melayu lebih faham.” (P1, T28/09/16)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden boleh memahami semua arahan yang disampaikan dalam modul. Ini kerana setiap arahan terjemahan arahan ini ditulis dalam bahasa Melayu dan Thai dapat membantu dan mengurangkan tekanan pelajar yang tidak mempunyai pengalaman bahasa Melayu. Selain itu, penggunaan bahasa cukup dalam modul ini jelas dan senang difahami.

## ii) Kandungan

Secara keseluruhan responden menyatakan modul ini mudah difahami kerana modul ini menggunakan bahasa yang mudah ayat tunggal dan kosa kata yang mudah. Mereka juga menyatakan bahawa modul ini sesuai dengan tahap keupayaan mereka, khususnya dari aspek tahap kesukaran, penggunaan bahasa, kepanjangan dan isu semasa. Namun dari aspek bercirikan tempatan, responden memberitahu bahawa ciri ini kurang dipenuhi.

“Bahasa mudah difaham dan banyak menggunakan ayat tunggal” (P4, T29/09/16)

“Sederhana dan sesuai bagi kami yang baharu belajar bahasa Melayu.” (P3, T28/09/16)

“Sesuai dengan saya dan kawan-kawan yang tidak ada asas boleh faham secara keseluruhan.” (P2, T28/09/16)

“Sesuai dan sederhana sebab tak terlalu panjang. Kandungan dan format juga sesuai.” (P3, T28/09/16)

Kesimpulannya, komen responden menjelaskan bahawa tahap bahasa dalam modul ini baik dan mudah serta sesuai dengan tahap pelajar. Mereka turut mencadangkan agar teks dan bahan yang bercirikan tempatan digunakan dan ditambah.

### iii) Teknikal

Aspek ini meliputi kesalahan ejaan, fon dan saiz, dan warna digunakan dalam modul ini. Responden menjelaskan bahawa tidak terdapat kesalahan ejaan dalam modul ini. Responden menjelaskan bahawa keseluruhan fon dan saiz yang digunakan cantik dan jelas. Warna pula, modul ini menggunakan warna terang atau pekat hingga mengganggu penglihatan dan mengelirukan maklumat yang disampaikan dalam modul ini. Berhubung dengan penggunaan tajuk dan kandungan dalam *youtube*, yang berikut adalah pandangan responden tentang perkara ini responden juga menyatakan bahawa tajuk yang disampaikan sesuai dan menarik.

*"Sesuai dengan penglihatan." (P5, T29/09/16)*

*"Ok tapi ada juga yang besar dan padat." (P3, T28/09/16)*

*"Ya, sesuai dan lagi menarik perhatian pelajar."(P4, T29/09/16)*

*"...perlu kurang warna yang lebih lembut untuk penglihatan yang lebih bagus..." (P2, T28/09/16)*

Secara keseluruhan, responden menyatakan bahawa aspek teknikal yang terkandung dalam modul ini jelas dan sesuai dengan penglihatan. Dari aspek penilaian warna pula, penggunaan warna yang pekat dan terlalu terang boleh menimbulkan masalah kepada pembelajaran pelajar. Selain itu, penggunaan bahan daripada sumber *youtube* memberi kesan yang positif kepada pelajar. Keseluruhannya, aspek teknikal yang digunakan dalam modul dapat menarik perhatian dan menyokong pembelajaran mereka.

### vi) Ilustrasi

Majoriti responden menyatakan bahawa kejelasan dan saiz ilustrasi yang digunakan dalam modul ini menarik kerana warna dan ilustrasi yang digunakan berupaya mengetengahkan maklumat yang disampaikan dengan jelas. Responden juga menjelaskan

bahawa terdapat halaman tertentu yang padat dengan gambar yang tidak perlu.

“Jelas. Ilustrasi dalam setiap modul dapat memberi gambaran.” (P4, T29/09/16)

“Sesuai, dan seimbang dengan kandungan.”  
(P2, T28/09/16)

v) Bahan dan aktiviti.

Kebanyakan responden sependapat bahawa bahan dan aktiviti yang terkandung dalam modul ini sesuai dengan mereka. Hal ini demikian kerana bahan dan aktiviti yang digunakan terdiri daripada pelbagai bahan bercetak dan media. Mereka juga menjelaskan bahawa penggunaan bahasa dapat membantu proses pembelajaran bahasa. Dari sudut aktiviti, responden berpendapat bahawa modul ini mempunyai pelbagai aktiviti seperti permainan bahasa, latihan lisan dan menulis. Mereka juga berpandangan bahawa aktiviti yang pelbagai dapat menarik perhatian dan mengurangkan perasaan bosan ketika aktiviti pembelajaran dijalankan. Pandangan responden juga membuktikan bahawa bahan dan aktiviti dalam modul ini dapat menyokong pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan dan dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah. Yang berikut adalah pandangan responden tentang ini:

“...sesuai sebab dapat membantu saya lebih faham kandungan pelajaran.” (P4, T29/09/16)

“Bagus kerana aktiviti berturutan dan selaras dengan kandungan pelajaran.”(P1, T28/09/16)

“Sesuai dengan tahap kami yang baharu belajar bahasa Melayu.” (P5,T29/09/16)

“Ya sebab bahan dan aktiviti yang dibina dalam modul dapat diguna dalam situasi seharian yang sebenar.”(P3,T29/09/16)

Berdasarkan maklumat di atas, bahan dan aktiviti yang digunakan dalam modul ini sesuai dengan tahap penguasaan bahasa dan turut membantu pelajar yang cukup baik terhadap pelajar yang baharu mempelajari bahasa Melayu atau pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Melayu. Begitu juga dari aspek bahan dan aktiviti, responden turut memberi respon yang positif terhadap bahan dan aktiviti dalam modul ini. Oleh itu, pengkaji telah membuat rumusan terhadap kelebihan dan kelemahan dalam pelbagai aspek yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

**Jadual 13:** *Rumusan Pandangan Pelajar Kesesuaian Modul*

<b>Komponen</b>	<b>Kelebihan</b>	<b>Kelemahan</b>	<b>Pengubahsuaian</b>
Arahan	1. Jelas dan mesej yang disampaikan mudah difahami. 2. Arahan dalam dua bahasa dapat membantu pelajar yang tidak mahir dalam bahasa Melayu.	-	-
Kandungan	1. Penggunaan bahasa yang mudah seperti mengguna ayat tunggal banyak membantu pelajar.	1. Terdapat juga ayat yang kurang difahami dan kosa kata yang tidak jelas maknanya. Namun, cara keseluruhannya isi kandungan dan latihan boleh	1. Pengkaji mengekalkan perkataan yang sukar bagi mengenalkan kosa kata baharu kepada pelajar. Penggunaan ruang catatan dan terjemahan dapat pelajar memahami kosa kata tersebut. (contoh dalam



	difahami.	halaman 3)
2. Keseluruhan pelajar boleh memahami isi kandungan.	2. Dari aspek kandungan ciri-ciri kurang memberi penenkanan.	2. Pengkaji akan menambah teks isi dengan cerita berlatarbelakangkan Thailand (contoh halaman modul 5)
3. Penggunaan ayat yang mudah seperti ayat tunggal senang difahami.	3. Ada beberapa halaman yang mempunyai kandungan yang padat.	3. Pengkaji akan membahagikan isi kandungan mengikut unit kecil bagi memudahkan pelajar.
4. Aras kesukaran kandungan sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar.		
5. Penggunaan bahasa dalam modul ini sesuai dan membantu pelajar memahami kosa kata baharu.		
6. Keganjangan teks sederhana, manakala reka bentuk isi kandungan teratur, tersusun		

	<p>rapi dan menarik.</p>		
Teknikal	<p>1. Secara keseluruhan, aspek teknikal yang digunakan dalam modul ini sesuai dan tersusun. Fon dan saiz mudah dibaca</p> <p>2. Modul ini banyak menggunakan warna-warni yang menarik perhatian kepada pelajar.</p> <p>3. Ilustrasi jelas dan dapat menggambarkan mesej yang disampaikan. Saiz ilustrasi sesuai kandungan.</p>	<p>1. Ada beberapa halaman yang menggunakan warna terlalu banyak hingga menyebabkan pelajar tidak fokus kepada kandungan.</p> <p>2. Warna terlalu pekat hingga mengganggu tumuan pelajar.</p> <p>3. Warna terlalu terang menyebabkan kurang bagus untuk penglihatan.</p> <p>4. Latarbelakang setiap latihan penuh dengan warna hingga pelajar menyukarka</p>	<p>1. Pengkaji akan mengubahsuai warna yang terlalu pekat atau terang yang terdapat dalam modul ini.</p> <p>2. Warna yang menimbulkan kekangan dan kekeliruan dalam pembelajaran bahasa akan diubahsuai.</p> <p>3. Ubahkan warna yang terlalu pekat diubahsuai bagi menyediakan ruang catatan.</p> <p>4. Pengkaji mengubahsuai latar latihan dengan memasukkan warna putih atau terang bagi memudahkan</p>

		n mencatat makna.	pelajar mencatat.
		5. Ilustrasi kecil dan tidak menarik.	5. pengkaji tidak mengubah suai ilustrasi, fon dan saiz kerana responden lain menyatakan ilustrasi ini sesuai.
Bahan & aktiviti	<p>1. Bahan sesuai kerana bahasa dan ilustrasi yang digunakan dapat dapat membantu dan menarik perhatian mereka terhadap dalam pembelajaran bahasa.</p> <p>2. Kepelbagaian jenis aktiviti boleh melahirkan perasaan seronok untuk pembelajaran bahasa. Aktiviti juga boleh dijalankan secara sendiri dengan menggunakan panduan arahan yang terdapat dalam modul ini.</p>	-	-

---

3. Persembahan aktiviti dapat membantu pelajar dalam segi mengingat dengan mudah dan mengaplikasikan nya dalam situasi sebenar.

---

Secara umumnya, pendapat-pendapat responden dapat membantu pengkaji untuk membaiki modul supaya modul yang dihasilkan lebih berkualiti. Keseluruhan komen adalah positif dan ini membolehkan modul diaplikasikan kerana kesahan isi kandungan telah dijalankan berdasarkan komen bersemuka dengan pengguna dan borang penilaian modul.

## **PERBINCANGAN**

Perbincangan dapatan menyentuh tiga aspek yang utama, iaitu kesesuaian modul KBME ini dari tiga aspek utama, kesesuaian kandungan, pedagogi dan bahan.

### **Kesesuaian Kandungan**

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek ini dirangka bagi memenuhi keperluan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Antara dapatan yang ditemui dalam kajian ini ialah kandungan kursus dalam modul ini memberi penekanan terhadap konsep “senang ke susah”. Hal ini sejajar dengan kajian Sharala Subramaniam dan Zamri Mohamad (2017) yang turut menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing perlu memberi perhatian kepada konsep ini. Dapatan juga mendapati modul ini memberi penekanan terhadap semua kemahiran bahasa. Penilai mendapati semua kemahiran bahasa telah diterapkan dalam modul ini secara

bersepadu. Penerapan secara bersepadu ini sejajar dengan pandangan Brown (2001) dan Zulkifli Osman (2013) yang menekankan agar kesepaduan konsep *big four* dalam pengajaran perlu diberi penekanan.

Selain itu, kajian juga mendapati aras bahasa, sama ada penggunaan ayat, frasa dan perkataan serta istilah yang digunakan dalam modul ini sesuai dengan tahap penguasaan pelajar. Dapatan ini selaras dengan kajian Ni Pt Apita Widya Sari, I Md Utama dan I Dw Gd Budi Utama (2016) yang turut menyarankan agar penggunaan bahasa untuk pelajar asing disesuaikan dengan tahap kebolehan mereka. Modul ini juga mempunyai kekuatannya sendiri, khususnya dari aspek pengisisannya, Komen pakar dan pensyarah mendapati modul ini berupaya menerapkan ciri tempatan atau berlatarbelakangkan masyarakat pengguna modul itu sendiri. Aspek ini selaras dengan pandangan Dudung Hamdun (2016) yang turut menyatakan bahawa bahan yang baik ialah bahan yang dekat dengan kehidupan penutur bahasa itu sendiri. Kandungan modul ini juga dibangun dengan mengambil kira tahap pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Elektif itu sendiri. Penilai turut menyatakan bahawa kandungan kemahiran bahasa dan tatabahasa tidak terlalu tinggi dan dijangka boleh dikuasi oleh pelajar

### **Kesesuaian Pedagogi**

Dari aspek kesesuaian pedagogi, dua aspek akan dibincang, iaitu kesesuaian aktiviti dan arahan yang terdapat dalam modul. Komen penilai mendapati aktiviti yang disediakan dalam modul ini mencukupi dan menarik. Dapatan mendapati, aktiviti PdP yang disusun dan yang disediakan dalam modul ini boleh diikuti oleh pelajar kerana disediakan secara berperingkat dari segi aras dan kemahiran. Menurut penilai lagi, aktiviti latih tubi yang disediakan dalam modul ini dijangkakan dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh Ang Chai & Lee Lay (2016) yang juga menyarankan agar aktiviti PdP bagi pelajar bahasa sebagai asing hendaklah tersusun dan berperingkat aras kesularannya.

Selain itu, penilai turut menyatakan bahawa kepelbagaian mod pembelajaran bahasa turut mendorong pelajar menguasai bahasa sasaran dengan baik. Hal ini sejajar dengan pandangan Shrum dan Glison (2005) yang turut menyatakan bahawa penggunaan ketiga-tiga mod dalam pengajaran bahasa sebagai bahasa asing, iaitu mod interpersonal, Interpretif, dan presentasi berupaya meningkat penguasaan bahasa pelajar dan turut menjadikan pengajaran bahasa lebih konteks sifatnya.

Dapatan juga mendapati arahan dalam modul ini kurang jelas. Namun, dapatan komen pelajar menyatakan sebaliknya. Pelajar menyatakan arahan dalam modul ini jelas kerana arahannya disediakan dalam dua bahasa, bahasa Melayu dan bahasa Thai. Selain itu, latihan yang disediakan juga mengikut konteks dan tema PdP. Hal ini selaras dengan pandangan Brown (2001) dan Shrum dan Glison (2005) yang turut menyarankan agar kandungan bahasa untuk pelajar asing hendaklah sesuai dengan konteks dan dijalankan dalam situasi yang sebenar.

### **Kesesuaian Bahan**

Dari aspek kesesuaian paparan bahan grafik dan warna yang digunakan, komen penilai mendapati semua aspek ini perlu ditambah baik agar dapat menarik minat pelajar untuk mengikutinya. Aspek ini perlu diberi perhatian kerana kajian lalu Susilana & Riyana (2009) juga mendapati bahan dan grafik yang menarik boleh menarik minat pelajar. Menurut mereka, warna yang menarik dapat memberi kesan kepada mereka. Dapatan juga turut mendapati aktiviti yang disediakan dapat membantu pelajar menguasai kemahiran berbahasa. Kajian ini selaras dengan kajian Hani Wahyuningtias (2015) yang turut mendapati aktiviti yang baik dan terancang boleh membantu penguasaan kemahiran berbahasa pelajar yang menguasai bahasa sebagai bahasa asing.

## KESIMPULAN

Tujuan kajian ini untuk membangunkan sebuah modul yang sesuai dengan masyarakat setempat. Pembangunan modul yang sesuai dengan pengguna perlulah dibangunkan berdasarkan model-model tertentu. Penilaian modul memainkan peranan yang penting untuk membangunkan sebuah modul yang terbaik dan efektif. Respons semua penilai termasuk pakar, pensyarah dan pelajar amat berguna kepada pengkaji untuk mengubah suai dan memperbaiki modul lebih berkualiti dan mantap. Oleh itu, pengkaji berharap modul ini akan memberi hasil yang positif terhadap pelajar atau pengguna. Modul ini juga sesuai dengan pelajar Thai yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing kerana modul ini dibangunkan mengikut keperluan proses PdP di Thailand. Pembangunan modul ini diharap dapat memenuhi kekurangan bahan sokongan pembelajaran bahasa Melayu di negara ini. Pengkaji mengharapkan modul dapat memberi manfaat dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka. Tambahan pula, modul ini merupakan modul pertama yang dibangunkan untuk pelajar Thai dan sesuai dengan latar belakang pelajar itu sendiri.

## RUJUKAN

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2016). *Pembangunan dan kebolehgunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 6 (1): 16-29.
- Aliff Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim & Chua Chy Ren. (2015). *Penilaian kualiti modul iPBL: Aspek kesahan dan kebolehpercayaan*. Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis, 11(2): 1-10.
- Ang Chai & Lee Lay. (2016). *Instrumen penilaian kualiti untuk modul pengajaran: Pengujian ciri psikometrik*. Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 4 (4) Oktober.

- Asmah Hj Omar. (2003). *Kaedah dan prinsip*. Dlm Atiah Hj Mohd. Salleh & Ramlah Muhamad (Pnyl). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing: 1-16*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Bahasa
- Awang Sariyan. (2011). *Kemajuan Bahasa Melayu di perangkat kebangsaan dan antarabangsa: Cabaran dan pelan tindakan*. Kertas kerja disampaikan dalam Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI). Di Melaka pada 12-14 Oktober 2011.
- Brown, H. D (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. (2nd ed.). New York: Longman
- Budi Purwanti. (2015). *Pengembangan Media Video Pembelajaran Matematika dengan Model Assure*. *Jurnal Kebijakan dan Pengembangan Pendidikan*, 3 (1): 42-47.
- Bustang Buhari. (2010). *Four-D Model (Model Pengembangan Perangkat Pembelajaran dari Thiagarajan, dkk*. Diakses daripada <http://bustangbuhari.wordpress.com/2011/08/25/four-d-model-model-pengembangan-perangkat-pembelajaran-dari-thiagarajan-dkk/>. Pada 3 Disember 2015.
- Dudung Hamdun (2016) *Pembelajaran Bahasa Arab berbasis karekter di sekolah dasar*. *Jurnal FENOMENA*, 8 (1): 1-16.
- Emik Yuliana, Ida Malati Sadjati dan Ila Fadila. (2012). *Penilaian tingkat keterbacaan modul melalui evaluasi formatif*. *Jurnal Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh*, 13(2): 113-224.
- Farhana Idris & Munirah Azrae. (2015). *Keberkesanan pengajaran bahasa Arab untuk pemahaman ayat Al-quran*. Diakses daripada <https://worldconferences.net/proceedings/icssr2015/full%20paper/IC%20093%20KEBERKESANAN%20PENGAJARAN%20BAHASA%20ARAB%20UNTUK%20PEMAHAMAN%20AYAT%20AL-QURAN%20-%20FARHANA.pdf>. Pada 10 Mei 2017.



- Hani Wahyuningtias (2015) *Instrumen penilaian buku teks bahasa asing (Uji coba pada buku teks pelajaran bahasa Jepang "MINNA NO NIHONGO"*. Diakses daripada <http://repository.unsada.ac.id/179/1/INSTRUMEN%20PENILAIAN%20BUKU%20TEKS%20%20%20BAHASA%20ASING.pdf>. Pada 19 Mac 2017.
- Heinich, R., Molenda, M., Russel, J. D. & Smalindino, S. E. (2005). *Instructional media and technologies for learning* (8th Ed.). Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Jeffries P. R. 2007. *Simulation in nursing Education: from conceptualization to evaluation*. New York: National League of Nursing.
- Judith L.& Eileen W. Glison (2005). *Contextualized Language Instruction (3rd. ed.)*. Boston, MA: Thomson Heinle.
- Kamarudin Husin, Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari. (2011). *Pedagogi bahasa: amalan balik darjah*. Tg. Malim: Emeritus Publications.
- Margana (2012). *Teaching young learners with the Use of contextualized language instruction*. Diakses daripada [http://eprints.umk.ac.id/15/340PROCEEDING\\_Teylin\\_.125-2.106pdf](http://eprints.umk.ac.id/15/340PROCEEDING_Teylin_.125-2.106pdf). Pada 3 Sep 2014.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2014). *Tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peringkat matthayom 1 dan 2 di Islamic Santitham Foundation School: Kajian Kes. Prosiding Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Asean II: Pengupayaan Jaringan Pendidikan Bahasa Melayu*. Anjuran bersama Universiti Fatoni dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Salaebing. (2013). *Buku Teks Bahasa dan Kebudayaan Melayu*, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Sosial, Universiti Thaksin, Thailand
- Muh. Ilyas Ismail. (2015). Pengaruh Intensitas penilaian formatif terhadap hasil belajar IPA dengan mengontrol pengetahuan awal siswa. *Jurnal Formatif*, 2(1): 58-70.

- Nazirah Ibrahim (2015). *Kesan modul pemulihan intensif dan berterusan terhadap kemahiran membaca dan menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Ni Pt Apita Widya Sari, I Md Utama, I Dw Gd Budi Utama. (2016). *Pembelajaran bahasa Indonesia bagi penutur asing (BIPA) di Sekolah Cinta Bahasa.UBUD, Bali*. e-Journal Prodi Bahasa dan Sastra Indonesia, Undiksha, 5(3): 1-16.
- Nur Aisyah Mohamad dan Zamri Mahamod. (2012). *Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran Komsas Bahasa Melayu tingkatan 1*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2(1): 1-16.
- Noor Miza Abdul Rahman (2015). *Pembinaan modul berasaskan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid TADIKA*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Parada Hayeeteh & Suhaila Binsamaae.(2010). *Learning and teaching Malay language in Islamic private school in Pattni province*. Yala: Yala Rajabhat University.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2001). *Hambatan struktur bahasa ibunda dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi penutur Thai*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Anjuran Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu pada 23-24 Ogos 2001 di Hotel Crown Princess, Malaysia.
- Piyanuch Phutkaew. (2014). *Development of a reading strategy model for learners of English as a foreign language*. Diakses daripada [http://digital\\_collect.lib.buu.ac.th/ojs/index.php/huso2/issue/view/445](http://digital_collect.lib.buu.ac.th/ojs/index.php/huso2/issue/view/445). Pada 23 Ogos 2014.
- Richards, J. C. (2001). *Curriculum development in language teaching*. Cambridge: Cambridge Universiti Press.
- Richey, R. C. & Klien, J.D. (2007). *Design and development reseach: methods, strategies, and issue*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.

- Rozinah Jamaludin. (2005). *Multimedia dalam pendidikan*. Cheras: PTS Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rozinah Jamaludin. (2007). *Internet dalam pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sri Giarti. (2012). *Penerapan modul pembelajaran ASSURE untuk meningkatkan hasil belajar IPA siswa VI-SD negeri Bengle Kecamatan Wonosegoro-Boyolali*. Diakses daripada [http://repository.uksw.edu/bitstream/123456789/3192/2/ART Sri%20 Giarti Penerapan%20Model full%20text.pdf](http://repository.uksw.edu/bitstream/123456789/3192/2/ART%20Sri%20Giarti%20Penerapan%20Model%20full%20text.pdf). Pada 12 Mei 2017.
- Sam Mukhatr Chaniago, Jamaludin Badusah dan Mohamed Amin Embi. (2011). *Masalah pengajaran kemahiran berbahasa di sekolah di Indonesia*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol 1,1 (109-122). Diakses daripada [http://www.ukm.my/ipbm/pdf/109122\\_SamMukhtar,Jamaludin,%20M.Amin\\_UN J. pdf](http://www.ukm.my/ipbm/pdf/109122_SamMukhtar,Jamaludin,%20M.Amin_UN_J.pdf). Pada 4 Dis 2013.
- Seangdao Khunhawech. (2013). *The Development of an instructional module to the importance of Buddhism in diploma in electrical students*. Chiang Mai: Lanna Plytechology Changmai.
- Sharala Subramaniam dan Zamri Mohamod. (2017). *Pembangunan modul Belajar-Cara-Belajar bahasa Melayu komunikasi*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 7 (2): 51-64.
- Susilana, R. & Riyana, C. (2009). *Media pembelajaran*. Bandung: Wacana Prima.
- Tessmer, M. (1995). *Planning and conducting formative evaluation: Improving the quality of education and training*. London: Kogan Page Limited.
- Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dan pemerolehan bahasa pertama dan kedua*. Selangor: Karisma Publications.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Zulkifli Osman. (2012). *Pembangunan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Zulkifli Osman. (2013). *Kebolehlaksanaan dan kebolegunaan modul pengajaran bahasa berlandaskan pendekatan holistik*. Jurnal Pendeta. 4: 202-230.